

Kata Aluan

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
MERANGKAP
PENGERUSI MAJLIS AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Program Penilaian Tahun Akhir adalah keperluan akademik pelajar-pelajar tahun empat Akademi Seni Kebangsaan. Pengisiannya meliputi bidang muzik, tari, teater dan penulisan berdepan dengan teori, konsep dan penyelesaian masalah yang ditangani sendiri oleh pelajar-pelajar berdasarkan karya yang diangkat menjadi persembahan.

Karya yang ditampilkan mengalami proses panjang bermula dari kaedah, perancangan, rekabentuk dan sistem yang disusun mengikut kefahaman serta pertimbangan antara rencana dan jelmaan dengan menggunakan ilmu yang telah diperolehi sepanjang empat tahun pembelajaran di Akademi Seni Kebangsaan. Pelajar-pelajar digalakkan menungkhahi idea dengan pelbagai eksperimen. Jika pengalaman ini dapat ditempuhi dengan penuh kesungguhan, kepuasan berkarya akan dapat ditandai dengan sempurna.

Kuantiti dan popular bukan pengukur kepada kredibiliti pelajar tetapi kualiti adalah janji jati untuk terus mara dalam bidang seni persembahan. Tekad begini perlu terus dinyalakan supaya sinarnya dapat menyuluh perjalanan pelajar-pelajar meneroka alaf baru yang telahpun dihujani dengan kecanggihan teknologi. Tanpa melupakan peradaban budaya bagi memamatkan diri sambil memartabatkan bangsa dan keunggulan seni itu sendiri, pelajar-pelajar yang terlibat dengan Program Penilaian Tahun Akhir ini adalah percikan seniman masa depan.

Selamat maju jaya.

DATO' ISKANDAR DZAKURNAIN BADARUDIN

Kata Aluan

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
MERANGKAP
PENASIHAT PeTA '99

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada seluruh kerabat Akademi Seni Kebangsaan kerana berjaya melaksanakan Program Penilaian Tahun Akhir - PeTA '99. Ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli-ahli panel yang memberikan sumbangan bernilai demi pembangunan dan kemajuan pembelajaran pelajar khususnya serta Akademi Seni Kebangsaan amnya. Tidak ketinggalan juga kepada pihak penaja sama ada orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat swasta yang turut sama menjayakan program ini.

Kejayaan pelajar-pelajar tahun akhir melaksanakan PeTA '99 merupakan langkah awal mereka meneroka dunia seni yang lebih mencabar serta serba canggih menjelang alaf baru. Usaha pertama ini tidak menjanjikan jalan singkat untuk menempah kejayaan seterusnya.

Adalah menjadi matlamat Akademi Seni Kebangsaan agar pelajar-pelajar lepasannya menjadi penggiat seni yang berkualiti, mahir dan profesional tetapi tetap mengekalkan peradaban seni budaya bangsa. Mereka bukan sahaja mampu mengisi kegiatan Panggung Negara malah menguasai industri seni tanah air serta mengukir nama di arena antarabangsa.


Semoga di antara mereka ada yang ternama lagi terbilang.

Selamat Maju Jaya

Terima kasih.



DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABDUL MAJID



Kata Aluan

PENGARAH AKADEMI SENI KEBANGSAAN


Setiap tugas perlukan ulasan, kritikan dan penilaian sebelum ia dapat diperakui sebagai suatu hasil yang bermutu dan mampu memanfaatkan khalayak. ASK beruntung kerana setiap tugas pelajar terutamanya tugas sewaktu di tahun akhir pengajian mendapat ulasan, kritikan dan penilaian dari sekumpulan tenaga pakar dan tokoh kesenian yang bukan sahaja berkecualan dari segi akademik tetapi juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepakaran mereka.

Sebagai pelajar yang akan melangkah ke dunia luar dan mempraktikkan ilmu yang dituntut, bakal graduan ASK ini perlu menganggap bahawa penilaian PeTA '99 ini adalah sebahagian dari proses yang menimbang dan menerima kemantapan ilmu yang diperolehi selama empat tahun di Akademi. Mereka sewajarnya meneliti setiap ulasan dan kritikan dengan fikiran yang terbuka dan sekaligus menjadikannya suatu kaedah untuk mengukur kemampuan, kemahiran dan kekuatan diri serta memperbaiki sebarang kekurangan atau kelemahan yang masih ketara.

Sesungguhnya amalan menuntut ilmu itu tidak harus terbatas kepada bilik kuliah dan studio dengan panduan dan bimbingan guru-guru yang sedia dikenali. Tokoh perseorangan yang mungkin dikenali namanya sahaja tetapi tidak pernah berhadapan, adalah juga guru yang mampu memberikan petunjuk dan pedoman. Amalan ASK ini diharapkan dapat memberikan pengalaman yang berguna kepada bakal graduannya.

Semoga kita semua sebagai pencari menemui sesuatu yang dapat dimanfaatkan dari proses penilaian ini.

Terima kasih.



DR. HATTA AZAD KHAN

PeTA '99

PeTA '99 atau **Penilaian Tahun Akhir** Akademi Seni Kebangsaan yang juga diadakan bersempena dengan sambutan ulangtahun perayaan ke 12 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia merupakan program akademik yang wajib dilalui oleh pelajar-pelajar tahun akhir Program Diploma Akademi Seni Kebangsaan.

Pelajar-pelajar tahun akhir Program Diploma Akademi Seni Kebangsaan dari semua pengajian iaitu Muzik, Penulisan, Tari dan Teater akan mempamerkan dan mementaskan hasil karya masing-masing untuk dinilai.

Akademi Seni Kebangsaan telah mengenalpasti dan melantik golongan akademik dan profesional dari dalam dan luar negara yang berperanan sebagai Panel Penilai Luar dan Panel Penilai Dalaman (ASK). Perlantikan Panel Penilai Luar dan Panel Penilai Dalaman ini bertujuan untuk menilai hasil karya pelajar-pelajar. Panel Penilai juga akan menjadi pemerhati kepada pelaksanaan pentadbiran dan pengendalian keseluruhan kursus-kursus yang dilaksanakan di bawah Program Diploma Akademi Seni Kebangsaan. Penilaian dan pemerhatian oleh Panel-panel Penilai ini seterusnya akan dijadikan sebagai panduan bagi membantu peningkatan dan perkembangan Akademi Seni Kebangsaan.

TUJUAN

Dengan mengenengahkan hasil kreativiti setiap pelajar tahun akhir yang dipamerkan samada dalam bentuk persembahan produksi, pameran mahupun perbincangan. Program ini adalah bertujuan untuk:-

- menilai kebolehan pelajar mempersembahkan karya kreatif dengan mengaplikasikan pengetahuan dan pembelajaran di Akademi Seni Kebangsaan;
- menilai kemampuan para pelajar dalam menyusun, mengurus serta memasarkan sesebuah produksi kreatif dalam bentuk yang lebih profesional;
- menyediakan para pelajar untuk penglibatan dalam industri seni tanahair.

OBJEKTIF

Mengukur kualiti seseorang pelajar dari aspek ketahanan mental dan fizikal melalui cara berkomunikasi, berinteraksi dan bekerjasama dalam memimpin, menyelesaikan masalah serta menyempurnakan sesuatu projek. Pengukuran ini akan membantu pelajar menyedia serta melengkapkan diri mereka dalam menempuh berbagai rintangan apabila mereka melibatkan diri dalam profesion yang sebenar.



JADUAL UTAMA

PeTA '99

MATIC		ASK
Mei	Auditorium Mini (pagi - petang)	Auditorium Utama (malam)
11		Bengkel/Seminar* <i>Workshop/Seminar</i>
12		Persembahan Tari Tradisional <i>Traditional Dance</i>
13		Koreografi Tari <i>Dance Choreography</i>
14		Koreografi Tari <i>Dance Choreography</i>
15		Persembahan MUZIK (Alat Utama) <i>Music Performance (1st Instrument)</i>
16		Persembahan MUZIK (Gubahan) <i>Music Performance (Arrangement)</i>
17		Persembahan MUZIK (Karya Asal) <i>Music Performance (Original Composition)</i>
18		Persembahan MUZIK (Karya Asal) <i>Music Performance (Original Composition)</i>
19	Seminar PENULISAN <i>Writing Seminar</i>	Pementasan TEATER <i>Theatre</i>
20	Seminar PENULISAN <i>Writing Seminar</i>	Pementasan TEATER <i>Theatre</i>
21	Seminar PENULISAN <i>Writing Seminar</i>	Pementasan TEATER <i>Theatre</i>
22	Forum PENULISAN <i>Writing Forum</i>	Pementasan TEATER <i>Theatre</i>
	Forum TEATER <i>Theatre Forum</i>	Persembahan TARI <i>Dance Performance</i>

* Bengkel/seminar akan dikendalikan oleh Panel Penilai Luar

PeTA '99 - Jadual Pelaksanaan Karya (Tari)

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	TARIAN TADISIONAL Traditional Dance
----------------	-----------------	--------------	--

12.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	ROSMALINDA ABU SAMAH Tarian Asyik
			SYED MUSTAPHA SYED YASIN
			AZURA ABAL ABAS Tarian Asyik
			ABDUL HAMID CHAN Tarian Piring

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KOREOGRAFI TARI Dance Choreography
----------------	-----------------	--------------	---------------------------------------


13.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	ROSMALINDA ABU SAMAH Karya : "TARIKU"
			ABDUL HAMID CHAN Karya : "2L"

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KOREOGRAFI TARI Dance Choreography
----------------	-----------------	--------------	---------------------------------------

14.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	AZURA ABAL ABAS Karya : "KUDRATIRADAT"
			SYED MUSTAPHA SYED YASIN Karya : "THE SPIRIT OF RHYTHM"

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	SEMINAR TARI Dance Seminar
----------------	-----------------	--------------	-------------------------------

15.05.1999	Billik Seminar, ASK	0900	ROSMALINDA ABU SAMAH ABDUL HAMID CHAN SYED MUSTAPHA SYED YASIN AZURA ABAL ABAS
------------	---------------------	------	---



PeTA '99 - Jadual Pelaksanaan Karya (Muzik)

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KARYA /ALAT MUZIK UTAMA / TAJUK LAGU 1st Instrument/ Song Title
----------------	-----------------	--------------	--

14.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2130	NG YUET SUM Alat Muzik Utama : PIANO KLASIK Tajuk Lagu : 1. SCARLATTI, Domenico Sonata in A Minor K.149 L93 Tajuk Lagu : 2. SCARLATTI, Domenico Sonata in F Minor KP 462 Tajuk Lagu : 3. Mozart, Wolfgang Amadeus Sonata in E Flat K282/189g 1st Movement - Adagio Tajuk Lagu : 4. GRIEG - Edvard Waltz (from Lyric Pieces) Opus 38, No.7 Tajuk Lagu : 5. BARTOK, Bela Roumanian Folk Dance No.1
------------	-------------------------	------	---

			KHOR JEE FEI Alat Muzik Utama : PIANO KLASIK Tajuk Lagu : 1. Joseph Haydn Sonata in E Minor Tajuk Lagu : 2. Rachmaninoff Prelude in B Minor Op: 32 No. 10 Tajuk Lagu : 3. Frederic Chopin Fantasie (Impromptu) in C # Minor
--	--	--	---

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KARYA /ALAT MUZIK UTAMA / TAJUK LAGU 1st Instrument/ Song Title
----------------	-----------------	--------------	--

15.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	ROHIMI SOBENG Alat Muzik Utama : VOKAL Tajuk Lagu : 1. Mon Coeur Slouvre a ta Voix Tajuk Lagu : 2. Tak Seindah Wajah Tajuk Lagu : 3. Don't Get Around Much Anymore
------------	-------------------------	------	---


			SUSAN SARAH JOHN a/p JOHN NAINAN Alat Muzik Utama : FLUT Tajuk Lagu : 1. J.S. Bach Air from Suite no.3 Tajuk Lagu : 2. F.J. Gossec Gavotte Tajuk Lagu : 3. James Hook (1746 - 1827) Sonata in C from "Six Sonatas for flute and piano" Op 54 Tajuk Lagu : 4. G.p. telemann Sonata in F major (2nd Movement Largo)
--	--	--	---

			ABDUN NASIR ATTAELLAH Alat Muzik Utama : GITAR MODEN Tajuk Lagu : 1. Apa! Blues (O.C) Tajuk Lagu : 2. Afternoon In Paris - John Lewis Tajuk Lagu : 3. Favela - Antonio Carlos Jobin
--	--	--	--

			JONG VUI KHIUN Alat Muzik Utama : PIANO MODEN Tajuk Lagu : 1. What/Listen!Movement I (O.C) Tajuk Lagu : 2. What/Listen!Movement II (O.C) Tajuk Lagu : 3. What/Listen!Movement III (O.C) Tajuk Lagu : 4. Zapin Kenyalang (O.C) Tajuk Lagu : 5. Tone Jones for Joan's Bone Chick Corea Tajuk Lagu : 6. Armando's Rumba - Chick Corea
--	--	--	---

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	GUBAHAN/KOMPOSISI / TAJUK LAGU Arrangement/ Song Title
16.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	NG YUET SUM Tajuk Lagu : 1. 2 Parts- Rasa Sayang Traditional Folk Song Tajuk Lagu : 2. 5 Horns (O.C)- Shall We Dance?
			KHOR JEE FEI Tajuk Lagu : 1. 2 Parts- Lompat Si Katak Lompat Tajuk Lagu : 2. 5 Horns - Shall We Dance?World Sensation(O.C)
			ROHIMI SOBENG Tajuk Lagu : 1. 2 Parts- Ladoh Lanang Tajuk Lagu : 2. 5 Horns The Story (O.C)
			SUSAN SARAH JOHN A/P JOHN NAINAN Tajuk Lagu : 1. 2 Parts - Too Shy (O.C) Tajuk Lagu : 2. 5 Horns - Three Wonder Witches (O.C)
			ABDUN NASIR ATTAELLAH Tajuk Lagu : 1. 2 Parts - Original Swing After Midnight Tajuk Lagu : 2. 5 Horns - Original Ada-ada saja
			JONG VUI KHIUN Tajuk Lagu : 1. 2 Parts - Reflection Tajuk Lagu : 2. 5 Horns Yellow Teddy (O.C)

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KARYA ASAL/TAJUK LAGU Original Composition/ Song Title
17.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	NG YUET SUM Tajuk Lagu : 1. Serenade Tajuk Lagu : 2. Song For Brendon Tajuk Lagu : 3. Panda's Walk Tajuk Lagu : 4. Until You're In My Arms Tajuk Lagu : 5. When ISO Meets ISO Tajuk Lagu : 6. Ethnic Tajuk Lagu : 7. Moonlight Magic Tajuk Lagu : 8. Black Cat Tajuk Lagu : 9. Wong Fei Hoong's Dream
			KHOR JEE FEI Tajuk Lagu : 1. Sweet Day In Paradise Tajuk Lagu : 2. Blind Love Tajuk Lagu : 3. Perjalanan Tajuk Lagu : 4. Fantasy Theme Tajuk Lagu : 5. Serenity




ROHIMI SOBENG

Tajuk Lagu : 1. Asli Rindu Inang Terkenang
Tajuk Lagu : 2. Gurindam 99 (reserved)
Tajuk Lagu : 3. Con-fusion
Tajuk Lagu : 4. Midnight Dreamer
Tajuk Lagu : 5. Kau Yang Bernama Kekasih
Tajuk Lagu : 6. We Are All The Same

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KARYA ASAL/TAJUK LAGU Original Composition/ Song Title
18.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	SUSAN SARAH JOHN A/P JOHN NAINAN Tajuk Lagu : 1. Havana Tajuk Lagu : 2. Have And To Hold Tajuk Lagu : 3. Magical World of Love Tajuk Lagu : 4. Opus 0204 No 99 Tajuk Lagu : 5. Sita
			ABDUN NASIR ATTAELLAH Tajuk Lagu : 1. Bahagiamu Deritaku (dinyanyikan oleh Juanita Ismail) Tajuk Lagu : 2. After Midnight - instrumental Tajuk Lagu : 3. Selamat Tinggal - instrumental Tajuk Lagu : 4. Dambaan (dinyanyikan oleh Juanita Ismail)
			JONG VUI KHIUN Tajuk Lagu : 1. Nightingale Tajuk Lagu : 2. Lovebirds Tajuk Lagu : 3. It Will Happen Tajuk Lagu : 4. Wind On Fire
TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	SEMINAR MUZIK Music Seminar
19.05.1999	Bilik Seminar, ASK	0900	NG YUET SUM KHOR JEE FEI ROHIMI SOBENG SARAH JOHN A/P JOHN NAINAN ABDUN NASIR ATTAELLAH JONG VUI KHIUN

PeTA '99 - Jadual Pelaksanaan Karya (Muzik)

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	ALAT MUZIK KEDUA / TAJUK LAGU 2nd Instrument/ Song Title
20.05.1999	Billik Seminar, ASK	0900	NG YUET SUM Alat Muzik Kedua : VOKAL Tajuk Lagu : 1. SCHUBERT, FRANZ Die Forelle (The Trout) Tajuk Lagu : 2. QUILTER, ROGER. Op.12 No. 7 Fair House of Joy Tajuk Lagu : 3. MOZART, WA Batti, Batti O Bel Masetto (from DON GIOVANNI) (Beat me, beat me dear Masetto)
			KHOR JEE FEI Alat Muzik Kedua : HARP Tajuk Lagu : 1. F.J. Naderman Sonata in Bb Tajuk Lagu : 2. Khor Jee Fei Sweet Day In Paradise
			ROHIMI SOBENG Alat Muzik Kedua : PIANO POP Tajuk Lagu : 1. Hujan di Tengahari Tajuk Lagu : 2. Asli Rindu (O.C)
			SUSAN SARAH JOHN A/P JOHN NAINAN Alat Muzik Kedua : PIANO MODEN Tajuk Lagu : 1. Autumn Leaves Tajuk Lagu : 2. Take Me (O.C)
			ABDUN NASIR ATTAELLAH Alat Muzik Kedua : KLARINET Tajuk Lagu : 1. Heinrich Baermann Adagio Tajuk Lagu : 2. J. Meinz Dixieland Blues Tajuk Lagu : 3. Bahagiamu Deritaku (O.C)
			JONG VUI KHIUN Alat Muzik Kedua : KLARINET Tajuk Lagu : 1. Brahms Sonata in Bb No. 2, Johanns Brahms - Sonate, Op. 120. No.2 Tajuk Lagu : 2. Witold Lutoslawski Dance Preludes Movement No. V



PeTA '99 - Jadual Pelaksanaan Karya (TEATER)

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	KARYA
19.05.1999 20.05.1999 21.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	DOROTHY JONATHAN LINGGANG Pengurus Persembahan : "LOOK BACK IN ANGER" Pengurus Persembahan : "PEMAIN" Pengurus Persembahan : "INKARNASI"
19.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	SYARUL AZLINA SIKANDAR Pengarahan : "INKARNASI"
20.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	ISTINA JAFRI Lakon : "PEMAIN"
21.05.1999	Auditorium Utama, MATIC	2030	SHAHILI ABDAN Pengarahan : "LOOK BACK IN ANGER"

PeTA '99 - Jadual Pelaksanaan Karya (PENULISAN)

TARIKH	MASA	KARYA	PANEL PENILAI	
			DALAMAN	LUAR
19.05.1999	1000	MAIMUN M. V. MAMU Karya SKRIP DRAMA TV "CINTA RABIAH"	Dr. Hatta Azad Khan Hassan Muthalib Wahab Hamzah	Putu Wijaya U-Wei Datuk A. Samad Said
	1130	SABRI AHMAD Karya SKRIP DRAMA TV "PEMBURU CINTA"	Dr. Hatta Azad Khan Hassan Muthalib Wahab Hamzah	Putu Wijaya U-Wei Datuk A. Samad Said
	1430	ROSHAYATI SAHIN Karya SKRIP DRAMA TV "RONGGA TERAKHIR BUAT INTAN"	Dr. Hatta Azad Khan Hassan Muthalib Wahab Hamzah	Putu Wijaya U-Wei Datuk A. Samad Said
20.05.1999	0900	NOR AZLINA HAMID MANAN Karya SKRIP FILEM "OFF LINE 1090603"	Dr. Hatta Azad Khan Hassan Muthalib Wahab Hamzah	Putu Wijaya U-Wei Datuk A. Samad Said
	1030	ATTIANSA @ MARDHIYYAH MOHD SALLEH Karya SKRIP FILEM "JAGOAN"	Dr. Hatta Azad Khan Hassan Muthalib Wahab Hamzah	Putu Wijaya U-Wei Datuk A. Samad Said
	1200	HAIRUL ANUAR HARUN MUZIKA "PEDATI KENCANA"	Prof. Madya Dr. Solehah Ishak Siti Hajar Ismail Shafinaz Selamat	Putu Wijaya Zubir Ali Datuk A. Samad Said
	1430	ZAINATUL SHUHaida ABDUL RAHMAN Karya SKRIP DRAMA PENTAS "KEMBALI KURNIA"	Dr. Hatta Azad Khan Krishen Jit Ahmad Yatim	Putu Wijaya Prof. Dr. Rahmah Bujang Datuk A. Samad Said
21.05.1999	0900	SITI AWAN REBU @ PARDI Karya ANTOLOGI CERPEN	Mohd Nordin Abd Rahman Prof. Madya Rahman Shaari Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah	Putu Wijaya Dr. Amida Abdul Hamid Datuk A. Samad Said
	1020	ABDUL RAFAR MOHAMMAD Karya ANTOLOGI CERPEN : "KITA, KATA MEREKA"	Mohd Nordin Abd Rahman Prof. Madya Rahman Shaari Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah	Putu Wijaya Dr. Amida Abdul Hamid Datuk A. Samad Said
	1200	W. ZALINA RAJALI Karya 'ANALISA TEKS DRAMA "LANTAI T.PINKIE" dan "PERAN" : BEBERAPA PENDEKATAN PASCAMODENISME'	Dr. Solehah Ishak Krishen Jit Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah	Putu Wijaya Prof. Madya Dr. Sahlan Mohd Saman



PeTA '99 - SENARAI KARYAWAN DAN PENGKHUSUSAN

M U Z I K

NAMA	PENGKHUSUSAN ALAT MUZIK UTAMA	PENYELIA
Ng Yuet Sum	Piano Klasik	Yong Joh Lin
Khor Jee Fei	Piano Klasik	Ng Mei Fong
Rohimi Sobeng	Vokal	Siti Hajar Ismail
Susan Sarah John	Flut	Dr. Takahisa Ota
Abdun Nasir Attaallah	Gitar Moden	Mohammad Farid Ali
Jong Vui Khiun	Piano Moden	Rahmat Abdullah

P E N U L I S A N

NAMA	PENGKHUSUSAN	PENYELIA
Maimun MV Mamu	Skrip Drama TV	Abdul Wahid Nasir
Sabri Ahmad	Skrip Drama TV	Abdul Wahid Nasir
Roshayati Sahin	Skrip Drama TV	Abdul Wahid Nasir
Nor Azlina Hamid Manan	Skrip Filem	Dr. Naim Ahmad
Atiansa @ Mardhiyyah Mohd Salleh	Skrip Filem	Dr. Naim Ahmad
Hairul Anuar Harun	Muzika	Prof. Madya Rahman Shaari
Zainatul Shuhaida Abdul Rahman	Drama Pentas	Zakaria Ariffin
Siti Awan Rebu @ Pardi	Antologi Cerpen	Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah
Abdul Raffar Mohamed	Antologi Cerpen	Prof. Madya Dr. Othman Puteh
W. Zalina Rajali	Kajian/Kritikan Drama	Prof. Madya Dr. Othman Puteh
		Dr. Hatta Azad Khan

T A R I K


NAMA	PENGKHUSUSAN	PENYELIA
Abdul Hamid Chan	Koreografer	Choo Tee Kuang
Rosmalinda Abu Samah	Koreografer	Sharifah Mahani Syed Kassim
Syed Mustapha Syed Yasin	Penari	Mew Chang Tsing
Azura Abal Abas	Koreografer	Marion D'Cruz

T E A T E R

NAMA	PENGKHUSUSAN	PENYELIA
Shahili Abdan	Pengarahannya	Zakaria Ariffin
Istina Jafri	Lakonan	Joe Hasham
Syarul Azlina Sikandar	Pengarahannya	Ahmad Yatim
Dorothy Jonathan Linggang	Pengurusan Persembahan	Ahmad Yatim
		Rosminah Mohd Tahir

PeTA '99 - FORUM BERSAMA PANEL PENILAI LUAR Forum with the External Examiners

TARIKH Date	TEMPAT Venue	MASA Time	FORUM Forum	PANEL PENILAI LUAR External Examiners
15.05.1999	Bilik Seminar, ASK	1400	TARI Dance	Dr. Geoffrey Gibbs Faridah Oetoyo Norjayadi Jasan
19.05.1999	Bilik Seminar, ASK	1400	MUZIK Music	Dr. Geoffrey Gibbs Prof. Zakhid Khaknazarov Johari Salleh
22.05.1999	Auditorium Mini, MATIC	0900	PENULISAN Writing	Putu Wijaya Datuk A Samad Said
22.05.1999	Auditorium Mini, MATIC	1400	TEATER Theatre	Dr. Geoffrey Gibbs Putu Wijaya Datuk A. Samad Said




PeTA '99

BENGKEL/SEMINAR OLEH PANEL PENILAI LUAR Workshop/Seminar conducted by the External Examiners

TARIKH/Date	WAKTU/Time	TAJUK/Topic	
11.05.1999 Selasa/Tuesday	1430 - 1630	Suara : Sonnet Shakespeare VOICE : SHAKESPEARIAN SONNETS	Dr. Geoffrey Gibbs (International Foundation For Arts and Culture, Australia)
12.05.1999 Rabu/Wednesday	1000 - 1200	Lakonan : Teknik Uta Hagen ACTING : UTA HAGEN TECHNIQUE	Dr. Geoffrey Gibbs (International Foundation For Arts and Culture, Australia)
13.05.1999 Khamis/Thursday	1000 - 1200	Halatuju Tari Indonesia THE DIRECTION OF INDONESIAN DANCE	Faridah Oetoyo (Jakarta Centre of Performing Arts, Indonesia)
14.05.1999 Jumaat/Friday	1000 - 1200	Lakonan: Teknik Stanislavsky ACTING : STANISLAVSKY TECHNIQUE	Dr. Geoffrey Gibbs (International Foundation For Arts and Culture, Australia)
16.05.1999 Ahad/Sunday	1000 - 1200	Aliran Masa Kini Penulisan Indonesia THE CURRENT TREND IN INDONESIAN WRITING	Putu Wijaya (Yogyakarta's Academy of Drama and Film/ASRI, Indonesia)
17.05.1999 Isnin/ Monday	1000 - 1200	Lakonan : Pergerakan Kreatif ACTING : CREATIVE MOVEMENT	Dr. Geoffrey Gibbs (International Foundation For Arts and Culture, Australia)
18.05.1999 Selasa/Tuesday	1000 - 1200	Perkembangan Teater Indonesia : Suatu Pengalaman THE DEVELOPMENT OF INDONESIAN THEATRE : AN EXPERIENCE	Putu Wijaya (Yogyakarta's Academy of Drama and Film/ASRI, Indonesia)

PETA '99 - PANEL PENILAI LUAR DAN PANEL PENILAI DALAMAN External Examiners and Internal Examiners

JABATAN Department	PANEL PENILAI LUAR External Examiners		PANEL PENILAI DALAMAN Internal Examiners
	LUAR NEGARA Abroad	TEMPATAN Local	
MUZIK Music	Dr. Geoffrey G. Gibbs	Prof. Zakhid Khaknazarov Johari Salleh	Ramlan Mohd Imam Dr. Takahisa Ota Hanafi Mohd Imam Ng Mei Fong Evelyn Hii Yuh Lin Liew Ping Yuh Yong Joh Lin Siti Hajar Ismail Syafinaz Selamat Cha Seng Tiang Mohd Fauzi Majid Bohari Sahlan Mohammad Farid Ali Redza Mubarak Rahmat Abdullah
PENULISAN Writing	Putu Wijaya	Datuk A Samad Said Prof. Dr. Rahmah Bujang Dr. Amida Abdul Hamid Prof. Madya Dr. Sahlan Mohd Saman Zubir Ali U-Wei Haji Shaari	Dr. Hatta Azad Khan Krishen Jit Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Napiah Prof. Madya Dr. Solehah Ishak Ramlan Mohd Imam Ahmad Yatim Mohd Noordin Abdul Rahman Prof. Madya Rahman Shaari Abdul Wahab Hamzah Hassan Muthalib Siti Hajar Ismail Shafinaz Selamat
TARI Dance	Faridah Oetoyo	Norjayadi Jasan	Joseph Victor Gonzales Suhaimi Magi Marion D'Cruz Ramlil Ibrahim
TEATER Theatre	Putu Wijaya	Datuk A. Samad Said	Krishen Jit Joe Hasham Zakaria Ariffin Ahmad Yatim Rosminah Mohd Tahir
KESELURUHAN Overall	Dr. Geoffrey G. Gibbs	Supiat Mukri	



Karyawan(Muzik)



Ng Yuet SUM
(95961003)

PELAJAR Jabatan Muzik ini merupakan lulusan ABRSM Vokal gred 7 (1997) dan mendapat kepujian dalam ABRSM piano gred 8 (1998). Walaupun sentiasa sibuk dengan kuliah dan pelbagai aktiviti di ASK, namun anak kelahiran Petaling Jaya ini turut menyumbangkan ilmu dengan menjadi tenaga pengajar di sekolah muzik YAMAHA. Apatah lagi beliau bercita-cita menjadi orang seni yang serba boleh dan berpengetahuan luas. Bagi memenuhi matlamat ini Ng Yuet Sum turut menyertai pelbagai bengkel bagi menambah ilmu pengetahuan. Antaranya **Bengkel Muzik Charlie Chan** dari Australia (1995), **Bengkel Teknologi Gitar - Pembuatan dan Penyelenggaraan** (1995), **Bengkel Pembuatan Alat Muzik Angklung** (1995), **Bengkel Apresiasi Seni Muzik Tradisional** (1996), **Bengkel Penulisan Lirik dan Melodi** (1997). Pada tahun 1998 beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi Fasilitator kepada **Bengkel Apresiasi Seni Muzik Tradisional Melayu- CIPTA KARYA**.

Sepanjang empat tahun di ASK, Ng Yuet Sum turut terlibat secara langsung dengan pelbagai produksi, antaranya, **Bangsawan Raja Laksamana Bentan** (1996) sebagai penyanyi korus; **Bangsawan Haris Fadillah** (1997) sebagai pemuzik; **Teater Adaptasi Impian Di Musim Panas** (1997) solek dan kostum; **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1998) sebagai penari; **Teater Adaptasi Midsummer Night's Dream** (1998) sebagai Pengurus Pentas dan **Randai Si Karang Manih** (1999) sebagai pemuzik.

ALAT MUZIK UTAMA : PIANO KLASIK

ALAT MUZIK KEDUA : VOKAL

KHOR JEE FEI
(95961009)



GADIS manis dari Terengganu Darul Iman ini bercita-cita menjadi menjadi Pemain Piano Solo yang profesional dan terkemuka. Beliau juga merupakan lulusan dalam *Performance Certificate* dari *Trinity College of London* (1997).

Sepanjang berada di ASK, Khor Jee Fei bukan sahaja terdedah kepada muzik malah pelbagai genre seni yang lain. Beliau telah terlibat dengan beberapa buah produksi ASK antaranya, **Bangsawan Raja Laksamana Bentan** (1996) sebagai penyanyi korus; persembahan **Wayang Kulit** (1996); **Bangsawan Haris Fadillah** (1997) sebagai penyanyi dan pelakon; **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1998) sebagai penari dan pelakon; **Randai Si Karang Manih** (1999) sebagai pemuzik dan pelakon. Beliau turut menyertai **SASARAN ASK** (1998) yang diadakan sempena Teater Keliling, Festival Kebudayaan Komanwel di Pulau Pinang, Kedah, Pahang dan Perak.

Penglibatan seni beliau tidak hanya tertumpu di ASK sahaja malah beliau turut terlibat dengan kegiatan seni yang dianjurkan oleh pihak-pihak swasta. Antaranya sebagai penyanyi latar untuk Teater **Konserto Terakhir** (1997). Beliau turut diundang sebagai penyanyi koir untuk beberapa buah majlis rasmi peringkat kebangsaan, antaranya **Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Komanwel ke 16** (1998), **Sambutan Tahun Baru** (1997) di Dataran Merdeka, **Perayaan Hari Kebangsaan** dan sebagainya. Beliau pernah diundang menjadi pemain piano untuk sekolah-sekolah ballet, hotel-hotel tempatan dan juga **Konsert Orkestra** (Junior). Khor Jee Fei turut menyumbang tenaga kepada negara apabila beliau menjadi salah seorang dari ahli **HUMAN GRAPHIC** sempena **Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Komanwel ke 16**.

ALAT MUZIK UTAMA : PIANO KLASIK
ALAT MUZIK KEDUA : HARP

Karyawan (Muzik)



ROHIMI SOBENG
(95961010)

ANAK kelahiran Sri Aman, Sarawak ini telahpun mempunyai pendedahan kepada dunia nyanyian sebelum memasuki ASK. Namun menyedari pentingnya ilmu dan penghidratan bagi tujuan peningkatan profesionalisma, maka beliau nekad meninggalkan Sarawak dan keluarga untuk menjadi warga ASK selama empat tahun.

Pelbagai pengalaman telah diperolehinya baik melalui produksi yang dianjurkan oleh ASK mahupun oleh pihak swasta. Pada tahun pertama di ASK, beliau merupakan antara pelajar yang terpilih untuk menyertai **GEARAN ASK** (1995) bagi tujuan promosi di seluruh Semenanjung Malaysia. Beliau turut menyertai persembahan **Wayang Kulit** di UPM, Fasilitator **Bengkel Apresiasi Seni Muzik Tradisional-CIPTA KARYA** malah beliau turut memeriahkan **Majlis Konvokesyen Pertama ASK** pada Mei 1998 dengan menyertai kumpulan gamelan.

Rohimi Sobeng turut berpengalaman dalam produksi anjuran organisasi swasta apabila terlibat dalam Teater **Jejak Pahlawan** sebagai Pesona, Teater **Penyerahan Puteri** sebagai penyanyi dan pemuzik, penyanyi koir dalam Teater **Tiang Seri Tegak Berlima** dan rakaman lagu-lagu iklan. Beliau pernah menyertai pertandingan **Karaoke Air Supply** dan mendapat tempat kedua manakala di dalam pertandingan **Karaoke Toni Braxtone** beliau menduduki tempat ketiga.

Rohimi Sobeng bercita-cita merakamkan suara secara solo di samping menjadi komposer dan penggubah lagu. Akhirnya beliau berhasrat untuk memiliki sebuah syarikat rakaman.

ALAT MUZIK UTAMA : VOKAL
ALAT MUZIK KEDUA: PIANO POP

SUSAN SARAH JOHN a/p JOHN NAINAN
(95961016)


SUSAN Sarah John mula menceburi bidang muzik ketika berusia 5 tahun. Pada zaman awal persekolahannya gadis lincah ini amat cenderung menyertai pertandingan muzik, nyanyian, pidato dan lakonan.

Gadis kelahiran Selangor ini bercita-cita menjadi penulis dan penggubah lagu filem serta menjadi salah seorang penerbit filem wanita yang disegani di Malaysia satu hari nanti.

Sepanjang menjadi pelajar ASK, Susan telah terlibat dengan beberapa produksi seperti **GEARAN ASK**, Persembahan **Wayang kulit**, **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1998), **Randai Si Karang Manih** (1999), **Koir**, Teater Adaptasi **Midsummer Night's Dream** (1998), Teater **Perhiasan Kaca** (1998), **GEMILANG ASK** (1998), dan Teater **Look Back in Anger** (1999).

Beliau turut terlibat dalam pelaksanaan produksi dengan beberapa buah organisasi seperti Dramafab -Teater **The Storyteller**; Actor's Studio -Teater **Trees**; Centre Stage Performing Arts - Teater **Penyerahan Puteri**, DBKL - **Malam Puisi**.

ALAT MUZIK UTAMA : FLUT
ALAT MUZIK KEDUA : PIANO MODEN



Karyawan (Muzik)



ABDUN NASIR ATTAELLAH
(95961017)

BERASAL dari Kuching dan bercuti selama empat tahun dari Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak untuk melanjutkan pelajaran di ASK. Sejak berkhidmat pada tahun 1977 peluang keemasan yang diperolehinya apabila dianugerahkan Latihan Dalam Perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri Sarawak tidak disia-siakkannya apabila mengambil keputusan nekad untuk mengikuti pengajian formal dalam bidang muzik di ASK.

Pernah diberi kepercayaan menjadi Ketua Muzik sempena **Bangsawan Haris Fadillah** (1997) dan memimpin **Ensembel Keroncong ASK** untuk majlis-majlis rasmi.

Abdun Nasir Attaallah dan beberapa orang pelajar Jabatan Muzik pernah mengharumkan nama ASK apabila menjadi juara dalam **Malaysian Guitar Festival '96** anjuran YAMAHA Music Malaysia.

....."Saya akan terus berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Bagaimanapun, saya akan menyalurkan segala ilmu yang diperolehi di ASK kepada semua penggiat seni di Kuching, Sarawak khususnya demi menaikkan taraf (persembahan) muzik tempatan".....Janji anak muda ini.

ALAT MUZIK UTAMA : GITAR MODEN
ALAT MUZIK KEDUA : KLARINET

JONG VUI KHIUN
(95961019)

ANAK sulung daripada empat beradik ini meninggalkan keluarga di Kuching, Sarawak semata-mata untuk meningkatkan ilmu dalam bidang muzik. Berpengalaman sebagai Pemain Trombone dalam Sarawak Jazz Orchestra selama 2 tahun sebelum melanjutkan pengajian di ASK.

Semasa di ASK beliau berpeluang menceburi bidang lakonan teater tradisional apabila diberi peranan sebagai pelakon di dalam **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1998) dan **Randai Si Karang Manih** (1999).

Di samping itu, beliau bekerja dengan bermain piano di lobi-lobi hotel terkemuka sekitar Kuala Lumpur seperti **Hilton, Legend, JW Marriot, Mandarin Oriental** dan sebagainya.

Wilson, panggilan di kalangan teman-temannya, bercita-cita menjadi seorang komposer dan seniman yang profesional. Beliau turut menyimpan hasrat untuk menyalurkan ilmu yang diperolehi dalam bidang seni kepada anak-anak muda yang berminat.

ALAT MUZIK UTAMA : PIANO MODEN
ALAT MUZIK KEDUA : KLARINET



Karyawan(Penulisan)



MAIMUN MV MAMU
(95961005)

BERPEGANG teguh kepada visi mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan supaya bekalan di dunia dan akhirat, telah mendorongnya menyambung pelajaran di ASK.

Berasal dari Sepang, Selangor Darul Ehsan. Merupakan seorang yang pendiam di kalangan teman-temannya.

Pengalaman di dalam pementasan teater tradisional turut membantunya untuk menjadi penggiat seni yang matang dan serba boleh. Antara pementasan teater tradisional yang dianjurkan oleh ASK turut memberi peluang kepadanya mencari pengalaman ialah **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1988), dan Randai **Si Karang Manih** (1999). Selain daripada itu, beliau turut membantu di dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Penulisan sendiri. Antaranya, **Penulisan Skrip Drama T.V.**, (1995) dan **Seminar Penulisan Dramatik** di Port Dickson (1995). Pernah mengikuti **Bengkel Puisi ASEAN** di UKM (1995) anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.

KARYA SKRIP DRAMA TV "CINTA RABIAH"

*Cinta itu satu
Wujudnya sekali*

*Hidup ini cinta
CintaNya pada kita
Cinta kita padaNya*

*Tiada yang lebih indah
Melainkan cintaNya*

*Sungguh indah hidup ini
Buat yang mengerti
Hakikat kewujudan insani
Rindu Rabiah
Menanti sapaan KEKASIH*



Karyawan(Penulisan)



SABRI AHMAD
(95961006)

MINAT yang mendalam di bidang seni telah mendorong ayah kepada beberapa orang anak ini melanjutkan pelajaran di ASK bermula pada sesi 1995/96. Berbekalkan cuti separuh gaji sebagai Pembantu Tadbir di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), memilih bidang penulisan drama televisyen sebagai genre yang diminatinya.

Mengembangkan bakat lakonan di dalam pementasan teater yang oleh ASK diantaranya **Bangsawan Raja Laksamana Bentan** (1996), **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998) dan Randai **Si Karang Manih** (1999).

Selain itu, Sabri turut melibatkan diri dalam bidang pengurusan persembahan dengan menjadi Pengurus Pentas bagi projek **GEGERAN ASK** (1995), Pengurus Panggung Mak Yong **Anak Raja Gondang** (1997) dan Pengurus Pentas Randai **Anggun Nan Tungga** (1998).

Sementara di luar ASK pula, Sabri turut berpengalaman menjadi **Pengurus Produksi** dan **Penulis Skrip Dokumentari** untuk Institut Jantung Negara. Beliau turut terlibat dengan drama bersiri **Chalet Pak Wan** sebagai Penolong Pengurus Produksi dan pelakon.

Cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan dan memiliki sebuah syarikat produksi sendiri.

KARYA SKRIP DRAMA TV "PEMBURU CINTA"

Jodoh dan pertemuan Allah yang tentukan.

Darjat seseorang itu bukan diukur dari rupa paras atau umurnya. Darjat seseorang diukur dari budi pekerti dan perangainya. Walau sedalam mana bencinya Imam Mahadi terhadap Suzana, tetapi tetap memilihnya untuk dijadikan isteri. Sesungguhnya perkahwinan antara Zamberi dengan Suzana tidak berkesudahan tetapi ia adalah ketentuan Allah, bukannya kejayaan Imam Mahadi.



Karyawan (Penulisan)



ROSHAYATI SAHIN
(95961035)

SEORANG anak muda yang gigih serta komited dalam apa jua bidang yang diceburi. Anak keempat daripada lima orang adik beradik ini menerima pendidikan terakhirnya tingkatan lima di Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Sepanjang empat tahun di ASK, telah mendedahkannya kepada pelbagai bidang sastera yang diminati. Antaranya, penulisan skrip drama televisyen dan filem. Bercita-cita melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam bidang seni.

Beberapa siri pementasan teater tradisional yang dianjurkan oleh ASK turut menjadi medan kepadanya menimba pengalaman. Antaranya, **Bangsawan Raja Laksamana Bentan** (1996), **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1988), **Randai Anggun Nan Tungga** (1998) dan **Randai Si Karang Manih** (1999).

Selain daripada itu, beliau turut membantu di dalam melicinkan program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Penulisan. Antaranya, **Penulisan Skrip Drama T.V.** (1995), **Seminar Penulisan Dramatik** di Port Dickson (1995) dan **Bengkel Puisi ASEAN** di UKM (1995).

Visi serta cita-citanya ialah "*memandang jauh ke hadapan, meluaskan dataran pengalaman, mendekatkan lautan arah tujuan, menggapai ke langit kejayaan*".....

KARYA SKRIP DRAMA TV "RONGGA MUTAKHIR BUAT INTAN"

- Intan - Kegagalan lalu membangkitkan semangat perjuangannya sehingga kekosongan hati tidak terisi.
- Izati - Kecundang dalam melayari hidup. Ingin kembali mencari realiti.
- Hisham - Terperangkap dalam nalurinya sendiri.

RONGGA MUTAKHIR BUAT INTAN menyingkap persoalan remaja dalam menangani permasalahan yang membelenggu. Mencari perbezaan antara intan dengan kaca. Namun hakikatnya yang intan tetap terus bersinar selamanya.

Karyawan (Penulisan)



NOR AZLINA HAMID MANAN
(95961015)

BERASAL dari Pelabuhan Kelang merupakan anak pertama dan seorang yang berbakat besar di dalam bidang penulisan lirik. Beberapa liriknya telah dinyanyikan oleh beberapa kumpulan penyanyi tanahair.

Azlina mempunyai semangat yang kuat dan berminat di dalam pelbagai bidang seni. Aktif mengikuti bengkel **Penulisan Skrip Drama T.V.** (1995), **Seminar Penulisan Dramatik** di Port Dickson (1995), **Bengkel Puisi ASEAN** di UKM (1995) dan sebagainya.

Sebagai pelajar ASK, beliau turut membantu melicinkan pengurusan sesebuah produksi teater tradisional. Antaranya **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1998) dan **Randai Si Karang Manih** (1999).

Sesuai dengan minat dan bakatnya, Azlina memilih bidang penulisan skrip filem untuk kanak-kanak adalah Projek Tahun Akhirnya.

KARYA SKRIP FILEM "OFF LINE 1090603"

Dia sering bermimpi.
Ada sesuatu sedang menghampiri.

"kenangan lama sering menghantu"

"kini ia datang lagi"

"ia mengubah sejarah hidup Amy."

Apa yang terjadi?

"**OFF LINE 1090603**" Menjawab semuanya.

Sebuah filem zaman kecanggihan siber di Malaysia. Menyelitikan elemen-elemen suspen dan resah seorang kanak-kanak. Antara realiti dan fantasi. Mana yang harus dipercayai.



Karyawan (Penulisan)



ATIANS @ MARDHIYYAH MOHD SALLEH
(95961022)

ANAK bongsu dari tiga beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sultan Omar, Dungun, Terengganu Darul Iman. Sokongan padu daripada ibu dan adik beradik telah memupuk minatnya untuk menyambung pendidikan di ASK.

Atiansa merupakan ahli Persatuan Penulis Terengganu (PELITA) dan aktif mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan tersebut. Pernah mengikuti Rancangan Sijil Seni Kreatif (Kesusasteraan) di Universiti Sains Malaysia pada pengambilan 1994/95.

Gadis kecil molek ini bercita-cita menjadi penulis sepenuh masa di dalam genre drama televisyen dan filem.

Menyedari minatnya yang mendalam di bidang seni, Atiansa turut mengembangkan bakat yang ada pada dirinya. Beliau menyumbang tenaga di dalam beberapa produksi teater tradisional yang dianjurkan oleh ASK. Antaranya teater Bangsawan **Haris Fadillah** (1997) sebagai pelakon, Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998) sebagai pelakon dan Randai **Si Karang Manih** (1999) di bidang publisiti di samping berlakon.

KARYA SKRIP FILEM
"JAGOAN"

Dari sebuah rumah usang ke sebuah padang sekolah, seterusnya menjadi wira menggegarkan stadium. Jasa dan pengorbananmu terhadap negara tetap akan menjadi titik tanda kepada satu permulaan yang lebih cemerlang kepada bakat baru dalam skuad hoki. Patah tumbuh hilang berganti. Aku yang hidup ini pasti akan berusaha dengan lebih gigih menimba segala pengalaman dan memburu kemenangan. Seperti kata abah.....kata Roy.. Malaysia Boleh! - AIZA

NurAIZA mendapat kasih sayang ayah dan neneknya serta keluarga SOFIA semenjak lahir. Setelah neneknya meninggal dunia, ayah Aiza pula terlibat dengan kecelakaan jalanraya sehingga koma. Aiza akhirnya tinggal bersama ibu kandungnya sekeluarga dan bercita-cita menjadi pemain hoki profesional seperti diimpikan ayahnya selama ini. Tetapi dugaan demi dugaan mengganggu Aiza kerana masalah ibu sekeluarga dan pasukan hoki di sekolahnya. ROHIZAN iaitu ibunya yang mencecah usia 48 tahun bersekedudukan dengan seorang lelaki muda dan hubungan Aiza sendiri dengan ENCIK KHALID, jurulatihnya.

Hayatilah JAGOAN yang merupakan skrip filem pertama bercerita seratus peratus mengenai hoki yang menjadi kebanggaan rakyat MalaysiaMAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA!!!!.....

Karyawan (Penulisan)



HAIRUL ANUAR HARUN
(94951028)

BERASAL dari Batu Kurau, Taiping, Perak Darul Ridzuan merupakan anak bongsu daripada lima beradik. Mendapat pendidikan terakhir di Sekolah Menengah Vokasional Kuala Kangsar, Padang Rengas, Perak Darul Ridzuan.

Seorang yang berbakat besar di bidang penulisan novel dan lirik. Novel pertamanya yang berjudul **Afdal** terbitan Makruf Publisher (1997). Bidang penulisan lirik banyak mengangkat nama Hairul ke persada seni tanahair. Antara lirik-lirik yang ditulisnya - **Awallah Dondang, Semalu Rimba** dan **Embun Setitik** untuk album **Ala Dondang**, lirik **Dikir Puteri, Dondang Dendang, Zapin Pusaka, Kisah Satu Malam** dan **Gurindam** untuk album **Masyhur** - nyanyian Noraniza Idris, lirik **Cindai** untuk album **Cindai** dan **Sesuci Lebaran** nyanyian Siti Nurhaliza, lirik **Hati Kama, Ya Allah Ya Saidi, Merak di Sangkar, Pasir Salak, Lenggang Lenggok** dan **Dondang Dendang** untuk album **Seri Balas** nyanyian Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris, lirik **Yayadan** nyanyian Sharifah Aini dan lirik **Samrah Mentari, Kandil Kemilau** nyanyian Jamal Abdillah.

Banyak terlibat di dalam produksi teater kanak-kanak seperti **Taman Baginda, Muzika Lagenda P. Ramlee, Bawang Putih Bawang Merah**, dan sebagainya.


Meskipun sibuk di luar ASK, Hairul tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai pelajar ASK. Banyak program ASK yang disertainya, antaranya pementasan Bangsawan **Raja Laksamana Bentan** (1996), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1988) dan Randai **Si Karang Manih** (1999).

Menjadi seorang penulis lirik yang berilmu dan disegani serta ingin membuka satu syarikat berkumpulan dalam industri multi-seni di negara ini.

KARYA
MUZIKA "PEDATI KENCANA"

Dari alunan irama dan ulitan bahasa, MUZIKA PEDATI KENCANA menerjah ruang kosong dalam Sastera Melayu, mencari nilai hidup manusia tiap penjuru, lantas menjunjung cabaran seni alat baru.

Antara epik, mitos dan lagenda digabungkan menjadi satu karya yang harus dibicara.



Karyawan (Penulisan)



ZAINATUL SHUHaida ABD RAHMAN
(95961023)

NAMA penanya SHAMZA. Berasal dari Taiping, Perak Darul Ridzuan. Anak sulung dari enam adik beradik ini menyimpan hasrat untuk menjadi pensyarah falsafah di bidang bahasa. Pada masa sekarang, beliau adalah tenaga pengajar di Institut Harapan Brickfields.

Menceburi bidang seni sejak berumur 15 tahun lagi. Puisi "**Jemari Runcing**" merupakan puisi pertama telah mendorong untuk terus mengembangkan lagi bakatnya.

Sepanjang empat tahun di ASK, beliau turut melibatkan diri di bidang lakonan di dalam teater tradisional Bangsawan **Haris Fadillah** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998) dan Randai **Si Karang Manih** (1999). Beliau turut menimba pengalaman di dalam produksi teater luar. Antaranya, teater **Anugerah** anjuran Utusan Melayu, teater Inggeris **The Tree, Work**, dan **The Story Teller** sebagai Ketua Props, Pengurus Panggung, Logistik dan Penolong Pengurus Produksi.

Seorang deklamator yang berbakat besar dan pernah dijemput mendeklamasikan puisi di **Malam Serangkai Hasrat** di Dataran Merdeka, beberapa program di Universiti Malaya dan Majlis puisi sempena Jihat Abdi di Kedah.

Puisi "**Kutukan**" menerima Hadiah Sastera Siswa Bank Rakyat dan diantologikan di dalam antologi **Puisi Harapan** di Joyrampur. Manakala puisi **Dunia, Kronologi Janji, Lesunya Bisu** dan **Runsing** diantologikan di dalam Puisi-Cerpen remaja **Sebuah Hati Di Chen Du**, terbitan DBP.

Lirik lagu pertamanya, **Bidadari** telah dinyanyikan oleh kumpulan Rabbani dalam album "Arah... dan ke mana".

Bidang penulisan skrip drama pentas merupakan genre Projek Tahun Akhirnya.

KARYA SKRIP DRAMA PENTAS "KEMBALI KURNIA"

"KEMBALI KURNIA" yang membawa pendekatan realisma-magis ini mengisahkan tentang dua latar yang berbeza. Latar pertama iaitu dalam realis ialah latar istana dan latar magis ialah latar yang tidak tetap tempat dan masanya.

Kelahiran wanita memecah segala nafsu dan kelihatanlah dua rasa berombak tertib menyapu Kerajaan Penjara Sukma bertembung dengan akal nawaitu. Ain, gadis yang terlahir oleh penyatuan kasih puak Adam dan kebencian oleh kebingungan Bendahara terlangsung putik ihsan pada Shamin anak luar nikah yang mengalibi penganugerahan buat Adam.

Karyawan (Penulisan)



SITI AWAN REBU @ PARDI
(95961040)

SITI AWAN dilahirkan pada 23 Februari 1974 di Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Mendapat pendidikan sehingga di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sebelum melanjutkan pelajaran di Jabatan Penulisan, Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1995. Gadis ini berminat di dalam bidang sastera Melayu lama.

Pengalaman empat tahun berada di ASK banyak mendedahkan beliau kepada bagaimana menjadi anak seni yang berilmu. Antara produksi pementasan yang memberi peluang kepadanya menimba ilmu dan pengalaman - Bangsawan **Raja Laksaman Bantan** (1996), Bangsawan **Haris Fadillah** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998), Randai **Si Karang Manih** (1999), teater adaptasi **Ribut** (1998) dan beberapa Projek Tahun Akhir para pelajar teater tahun sebelumnya iaitu Teater **Aa li Uu** dan Teater **Tapi Jebat**.

Minat di dalam bidang seni muzik turut mendorongnya mengikuti muzik gamelan untuk **Hari Konvokesyen Pertama Akademi Seni Kebangsaan** (1998) dan **Apresiasi Muzik Tradisional - Cipta Karya** (1998).

Memilih genre cerpen sebagai Projek Tahun Akhirnya.

KARYA ANTOLOGI CERPEN

ABDUL RAFAR MOHAMAD
(95961038)



ANAK KAMPUNG jati di negeri Pahang ini memilih bidang penulisan sebagai bidang utama di Akademi Seni Kebangsaan sejak empat tahun yang lalu. Merupakan seorang yang aktif di dalam bidang penulisan dan teater di negeri asalnya. Seorang yang bersikap terbuka dan mempunyai kredibiliti dalam apa jua tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan kepadanya.


Sepanjang empat tahun menuntut di ASK telah membuka peluang kepadanya untuk terus mengasah bakat. Beliau turut berlakon di dalam beberapa siri pementasan yang dianjurkan oleh ASK dan projek pelajar ASK sendiri. Antaranya, Bangsawan **Raja Laksamana Bantan** (1996), Bangsawan **Haris Fadillah** (1997), Teater Adaptasi **Implan Musim Panas** (1998), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1988), **Monolog Anak Tanjong** dan **Malam Jahanam**.

Berpegang teguh dengan sikap dan prinsip kejayaan kerja-kerja di atas pentas memerlukan usaha-usaha di belakang pentas mendorong Rafar mencari pengalaman di bahagian ini. Beliau pernah terlibat di dalam kerja-kerja teknikal untuk produksi teater tradisional **Randai Anggun Nan Tungga** (1998) dan Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998).

Selain dari produksi pementasan anjuran ASK, beliau turut mencari pengalaman dengan produksi pementasan luar.

KARYA ANTOLOGI CERPEN "KITA, KATA MEREKA"

Mendekati manusia, persoalan dan falsafah di dalamnya, himpunan cerpen yang terdiri dari sepuluh bahan ini menampilkan teknik dan olahan tersendiri pengarang tanpa terikat secara menyeluruh dengan konvensional. Mengetengahkan pelbagai persoalan dengan beberapa kaedah atau pendekatan, secara eksplisit mahupun implisit, pengisian ilmu bantu dalam sastera cuba dipertingkatkan dan diperjelaskan oleh pengarang.



Awang (Penulisan)

W. ZALINA RAJALI
(95961013)

PELAJAR Jabatan Penulisan yang berbakat besar ini merupakan anak pertama dari enam adik beradik. Dilahirkan di negeri Kelantan dan dibesarkan di Dungun, Terengganu. Penglibatan awal di bidang seni mendapat sokongan kuat daripada ibu bapanya.

Mendapat bimbingan seni, khususnya di dalam penulisan novel remaja dan puisi daripada Cikgu Awang Abdullah sewaktu menuntut di Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah, Dungun, Terengganu. Pernah mengikuti Rancangan Sijil Seni Kreatif (Kesusasteraan) di Universiti Sains Malaysia pada sesi 1994/95. Merupakan ahli aktif Persatuan Penulis Terengganu (PELITA).

Novel remaja **Nurul Fathihah** (1992) terbitan DBP merupakan karya pertamanya. Dikuti dengan novel remaja **Teratai Teretak Desa** (1995) dan **Menempa Impian** (1996), juga terbitan DBP. Manakala novel **Tautan Kasih** terbitan Makruf Publisher masih di dalam proses penerbitan.

Beliau turut mengasah bakat di dalam genre puisi. Antara puisi-puisinya yang disiarkan di dalam majalah dan akhbar tempatan - **Perempuan Di Pendalaman, Tanah ini Tanahmu, Yang Kukutip Di Pantai, Nota yang Tertinggal dan Bebayang.**

Bakat dan minatnya terhadap bidang seni, turut berkembang sepanjang empat tahun di ASK. Di bidang lakonan turut terlibat di dalam pementasan teater tradisional dengan memegang peranan penting di dalam **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), **Bangsawan Bendahara Garang Perak** (1998), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998), **Randai Si Karang Manih** (1999) dan beberapa teater arahan pelajar-pelajar ASK sendiri.

Raja Gondang 2 (1998), **Randai Si Karang Manih** (1999) dan beberapa teater arahan pelajar-pelajar ASK sendiri.

Menyedari harapannya yang mahu menjadi penggiat seni yang serba-boleh, beliau turut mempunyai kredibiliti dalam melaksanakan tugas sebagai ketua pameran, percetakan, petugas set dan props dalam beberapa program besar ASK dan jabatannya sendiri.

Minat yang mendalam di bidang drama pentas, mendorongnya memilih bidang kritikan genre tersebut sebagai Projek Tahun Akhirnya.

Anak muda yang amat komited ini mempunyai harapan yang tinggi untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi.

KARYA

'ANALISA TEKS DRAMA "LANTAI T.PINKIE" dan "PERAN" : BEBERAPA PENDEKATAN PASCAMODENISMA'

Karyawan (Tari)

ABDUL HAMID CHAN
(95961025)

BERASAL dari Sandakan, Negeri Di Bawah Bayu, Sabah. Pernah menjadi jurulatih di dalam bidang kebudayaan untuk pelajar-pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan maktab perguruan.

Sepanjang empat tahun menuntut di ASK, Hamid banyak terlibat di dalam persembahan-persembahan tarian. Antaranya projek **Pengaliran, TARI '96, Katokkaca, Kinaringan, Lipa-lipa dan Seketika II.**

Turut mengembangkan bakatnya di bidang lakonan untuk **Bangsawan Haris Fadillah** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998), **Randai Si Karang Manih** (1999) dan Teater Adaptasi **Ribut** (1997)

Persembahan-persembahan di luar ASK juga turut membantunya menjadi penari yang baik, khususnya bidang tarian yang berbentuk kontemporari dan tradisional di RTM, TV3 dan NTV7.

Selain berminat di dalam bidang lakonan dan tarian, Hamid mempunyai kebolehan di bidang kerja-kerja kreatif seperti pengurusan kostum, set dan props.

Mempunyai cita-cita yang mendalam untuk mengembangkan kebolehan terutama di bidang tarian pada masa hadapan tanpa mengabaikan nilai budaya tradisional.

KARYA


KOREOGRAFI TARI "2L"

Hari ini aku di sini
Esok di sana
Lusa entah di mana?

Aku Bangun dia tidur
Aku berjalan dia berlari
Tujuan sama arah berlainan

Siapa aku?
Siapa dia?
Siapa kamu?
Siapa mereka?

Kenapa kita jadi begini?
Ke mana arah kita seterusnya?



Karyawan (Tari)



ROSMALINDA ABU SAMAH
(95961012)

Merupakan anak jati negeri Selangor Darul Ehsan yang berusia 22 tahun. Anak ke tiga daripada empat orang adik beradik. Mempunyai cita-cita melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi di dalam bidang tarian.

Empat tahun di ASK banyak mendedahkan beliau kepada pelbagai bidang ilmu seni dengan menyertai beberapa produksi yang dianjurkan oleh ASK. Antaranya, pementasan **Bangsawan Raja Laksamana Bentan** (1996), teater adaptasi **Ribut** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998) dan Randai **Si Karang Manih** (1999), **TARI '96**, **TARI '98** dan **Akar** untuk **Festival Tari Hong Kong** (1997)

Menjadi koreografer tari untuk **Bangsawan Alang Buana** (1999).


Aktif menyertai beberapa pementasan teater di luar ASK sebagai penari untuk teater **Tanggung** (1996), **Penyerahan Puteri** (1998), **Laila Majnun** (1998), **Pilgrimage Akar** (1997) bersama Shakti Dance dan **In Retrospect** (1998)

KARYA

KOREOGRAFI TARI "TARIKU"

Ada lembut dalam tari gendangan. Ada maksud dalam gerak badan. Mengikut rentak liuk lenggok mereka sama-sama bergerak dengan gaya tersendiri. Yang lama diperbaharui lenggok gaya rancak terperi. Seakan memberi seribu makna tersendiri. Lenggok mereka terus berarah. Dari mula hingga ke akhir, dari gerak menjadi syair.

Karyawan (Tari)



SYED MUSTAPHA SYED YASIN
(95961026)

MERUPAKAN anak keenam daripada lapan adik beradik dan berasal dari Johor Bahru. Pernah berkhidmat dengan Yayasan Warisan Johor sebagai penari. Menyedari minatnya yang tinggi di dalam bidang tarian mendorong Syed melanjutkan pelajaran di ASK.

Di bidang tarian, Syed mendapat bimbingan daripada Joseph Gonzales, Shuhaimi Magi, Aida Redza dan ramai lagi. Ilmu yang diperolehi digunakan dengan sebaik-baiknya bagi memastikan cita-citanya sebagai anak seni yang berjaya kelak akan terlaksana.

Turut terlibat dalam tarian, **GEGERAN ASK**, **Akar dan Titik**, **Retrospect**, **Awas**, **Keluar Masuk**, **Gurik**, **Akar**, **Sehetika**, **Zafana**, **Box**, **Festival Tari '94**, **Festival Tari '96**, **Festival Tari '98**, **TARI '96** dan **TARI '98**. Manakala di bidang lakonan, Syed turut menjadi pelakon untuk pementasan teater tradisional seperti **Bangsawan Haris Fadhillah** (1997), Teater Adaptasi **Ribut** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998) dan Randai **Si Karang Manih** (1999)

Syed turut menimba pengalaman di bidang lakonan di luar ASK. Antaranya, **Lantai T. Pinkie**, **Anugerah**, **Laila Majnun** dan sebagainya.

KARYA


KOREOGRAFI TARI 'THE SPIRIT OF RHYTHM'

Risen the spirit within,
To stamp, To Ripple,
To Carve, To Sparkke,
To Fight, To Embrace,
The Rhythm Of My Soul.

This dance is choreographed by Mew Chang Tsing but the most of the movement developed by Syed Mustapha which was later being reconstructed and refined by the choreographer.

By withdrawing from and pushing the boundaries of Javanese Court Dance, Silat and Tai-chi. This dance aims to manifest the candidates mastery of these dances vocabularies, being merued together and given new vibrancy.

We shall see him as a performer commanding the stage with his sensitivity towards space, shape, rhythm and dynamics.



Karyawan (Tari)



AZURA ABAL ABAS
(95961002)

IBU kepada seorang cahaya mata ini pernah menjadi penari profesional selama 5 tahun di Jabatan Seni Persembahan Petronas.

Pernah mengikuti Rancangan Sijil Seni Kreatif (Seni Lakon) di Universiti Sains Malaysia sesi 1994/95. Pada tahun yang sama juga, Azura melanjutkan pelajarannya di ASK dengan memilih bidang tari.

Mempunyai harapan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di bidang seni tari dan terus aktif membuat persembahan-persembahan di samping memartabatkan seni itu sendiri.

Sebagai penari yang berbakat besar, Azura pernah membuat persembahan-persembahan tarian. Antara hasil kerjanya ialah **Umbi/ Umbivolusi** (96/97), **Dejavu** (1997), **Al Lag ... An Nas** (1998) dan **Guni-guni** (1998).

Sewaktu menuntut di ASK, Azura menyertai **ASK Dance Company** sejak 1996. Melalui saluran ini, Azura banyak menyertai program-program yang dianjurkan oleh ASK dan persembahan luar. Antara program ASK yang pernah diikuti ialah **Akar dan Titik** untuk **TARI '96**, **Akar** di Hong Kong. Selain daripada itu, beliau turut membantu produksi ASK sendiri iaitu **Bangsawan Haris Fadhillah** (1997), **Mak Yong Anak Raja Gondang 2** (1998), **Randai Si Karang Manih** (1999).

Menyedari niatnya yang mahu menjadi anak seni yang serba boleh, Azura turut menyahut cabaran dengan menyertai **Kumpulan Shakti Dances**. Bersama kumpulan ini, Azura membuat persembahan **Beyond Word** (1996), **Breaking Boundaries** (1996), **Break The Silent** (1996), **Titian** untuk **ASEAN Dance Festival** (1996), **Kesucian** (1996), **PrIgrimage...Akar** (1997), **Pasang Surut, Tunjang** (1997), **Guni-guni** (1998), **When They Dance Too** (1999), **Dariwunyam** (1999) dan **Paly Ground** (1999).


KARYA

KOREOGRAFI TARI 'KUDRAT.....IRADAT'

Apabila melangkah ke hadapan jangan sekali berundur, tetapi jangan pula lupa untuk menoleh ke belakang.

When making an advance or ascending in life never turn back or descent:: keep on moving....Nonetheless never forget to glance at the past.

Karyawan (Teater)



SHAHILI ABDAN
(94951035)

NAMRON, begitulah anak muda ini lebih dikenali. Berhijrah meninggalkan kampung halaman di Kangar, Perlis Indera Kayangan kerana percaya dengan apa yang ditawarkan di ASK dan kepercayaan itulah yang dipegang bagi memenuhi cita-citanya menjadi penggiat teater profesional.


Ilmu yang dipelajari di ASK bukan sekadar sebagai pelakon malah pelbagai bidang teater lain apabila diberi tanggungjawab sebagai Pengarah main-main bersama teater, **KerAnna, PSA, Di Pulau SaDanDi, Bukan Bunuh Diri, Bangau oh Bangau**. Beliau pernah dipertanggungjawabkan sebagai **Pereka Cahaya** **Bangsawan Bendahara Garang Perak**, **Bangsawan Alang Buana**, Teater Adaptasi **Hamlet, GEMILANG ASK**, Projek Pengarahan 1998/99; sebagai Penulis Skrip **Naturalisasi, Jalan ke Kamunting**; dan sebagai Pengurus Pentas Teater Adaptasi **Impian Di Musim Panas**.

NAMRON turut sama terlibat dengan kerja-kerja kreatif di luar ASK sebagai pelakon, pereka cahaya, pengurusan produksi, pereka set dan props serta pembantu pentas. Antara produksi yang pernah beliau terlibat secara langsung ialah Tetaer **Uda dan Dara**, Teater **The Storyteller**, Teater **Lantai T.Pinkie**, Teater **Assyura**, Teater **Penyerahan Puteri**, **Mak Yong Raja Bongsu Sakti**, Teater **Anugerah**, Teater **Mencari Juita**, **Malam Puisi Utusan I, III dan IV**, Teater **Member of Club, Chalet Pak Wan** (Drama TV), Teater **Jejak Pahlawan, TARI '96, TARI '98 dan Retrospect**.

PENGARAHAN

'LOOK BACK IN ANGER' karya JOHN OSBORNE

Jimmy Porter, seorang graduan yang menganggur menjadi penjual makanan ringan, menjalani kehidupan selepas perang dunia. Mempunyai seorang isteri bernama Allison dan seorang sahabat yang tinggal bersama mereka. Cliff Lewis. Sikap Jimmy yang banas baran menyebabkan isterinya sering menjadikan Cliff tempat mengadu. Hubungan menjadi mesra manakala hubungan suami isteri menjadi tegang. Suasana menjadi bertambah buruk apabila seorang rakan bernama Helena menumpang tinggal bersama mereka. Konflik rumahtangga menjadi semakin tegang. Isteri tinggalkan suami untuk kembali kepangkuan bapa, suami berpaling tadah dan berlagak curang. Setelah pelbagai dugaan ditempuhi akhirnya Allison mengalah dan kembali ke pangkuan Jimmy.



Karyawan (Teater)



ISTINA JAFRI
(949510 41)

ISTINA JAFRI atau kadang-kadang menggunakan nama inspirasi Istina Al-Fijar. Lahir pada 13 Julai 1961 hari Khamis malam Jumaat di Labis Johor. Bukan dari keluarga seni namun sewaktu masih kecil sudah mendengar lagu Begawan Solo nyanyian abahnya. Kemudian abahnya berpesan secara berseloroh "*ono choroko, sopo main filem masuk noroko*". Biarpun kawalan keluarga ketat namun di luar pengetahuan kedua orang tua kebahagiaan Istina tercapai apabila berangan-angan di dalam dunia pewayangan.

Antara pembabitannya dalam dunia teater ialah sebagai Sutradara **Teroris** karya Albert Camus di tahun satu, Sutradara **Malam Jahanam** karya Motinggo Bushe dan terakhir menyutradarai **Aa,li,Uu** karya Ariffin C. Noer di tahun empat. Menjiwai watak **Jocasta** dalam **Oedipus** arahan Zahim Albakri, berlakon dalam **Glass Manageries** arahan Norzizi Zulkaffli, dan main main teater **KerAnna** arahan Namron.

Beliau turut menimba pengalaman sebagai Pembantu Penerbit kepada Faridah Merican dalam Teater **Scorpion Orchid** arahan Krishen Jit dan Joe Hafsham dan menjiwai watak kecil dalam Teater **Uda dan Dara** arahan Ahmad Yatim.

Pembabitan beliau di dalam lakonan pentas di luar ASK adalah seperti, **Orang Kasar** arahan Din Morgan, **Ludin** arahan Allahyarham Aziz HM, **Mat Cincai** arahan Khalid Salleh, **Seraut Kasih** arahan Allahyarham Aziz HM, **Teroris** arahan Marzuki Ali, **Dari Bintang ke Bintang** arahan Fauziah Nawi dan **Vakum** (dianugerahkan **Pelakon Wanita Terbaik**). Istina turut membabitkan diri dalam pengarahannya ialah **Sawo** (dianugerahkan **Pelakon Wanita Terbaik**), **Angin Kering** dan **Talipon**.

LAKONAN

'PEMAIN' karya JOHAN JAAFAR

"Anda tidak akan percaya bila saya katakan ini. Sesungguhnya tidak. Sebab kepercayaan menjadi sesuatu yang amat dihargai akhir-akhir ini. Katakan begini...saya bermasalah. Ah.. siapa yang tidak di dunia ini?...Kita menampakkan sesuatu yang sebenarnya merupakan segala-galanya bagi kita. Saya, anda, kita, mereka. Masalah adalah menakutkan!"

Karyawan (Teater)



SYARUL AZLINA SIKANDAR
(94951013)

Syarul Azlina Sikandar, bercita-cita menjadi seniwati bintang legenda. Sepanjang mengikuti pengajian di ASK beliau telah terlibat dengan pelbagai produksi seperti Teater **Anxiety**, Teater **Jiwa-Jiwa**, **Oedipus**, Bangsawan **Raja Laksamana Bentan**, Mak Yong **Anak Raja Gondang**, Randai **Si Karang Manih**, **Degup Jantung**, **Ludin** dan **Projek Pengarahan**.

Beliau pernah diberi tanggungjawab sebagai Pengurus Produksi untuk teater adaptasi **Midsummer's Night Dream**.


Gadis berjiwa kental ini turut terlibat dengan Teater **Scorpion Orchid**, Teater **Anugerah**, **Malam Puisi I dan II** dan Teater **The Storyteller**.

PENGARAHAN

'INKARNASI' karya LENA FARIDA

Persembahan terbahagi kepada beberapa segmen. Kesemuanya tertumpu kepada perjuangan wanita. Isu yang dikeluarkan oleh majalah lelaki. "Wanita Tabung Hiasan" yang memberikan satu tamparan hebat kepada wanita dengan menyatakan bahawa nasib wanita mengandung akan berkurangan pada alaf baru.

Peningkatan kepada taraf hidup tamadun manusia tanpa disedari telah memberi kesan besar kepada kesihatan mental. Siapakah yang harus dipersalahkan? Lelaki? Wanita?..Lelaki? .Wanita?..Walau apapun wanita harus disayangi, dicintai, dihormati dipimpin!!!Apakah sudah tidak ada lagi kelakian????!!!!



Karyawan (Teater)



DOROTHY JONATHAN LINGGANG
(95961018)

Anak kelahiran Sri Aman, Sarawak ini lahir dari keluarga lima beradik. Bercita-cita menjadi seorang Pentadbir Seni. Memilih ASK dan pengkhususan dalam bidang teater untuk memenuhi impiannya.

Sepanjang berada di ASK beliau pernah terlibat dalam lakonan untuk pelbagai teater seperti, **Oedipus**(1996), Bangsawan **Haris Fadillah**(1997), teater adaptasi **Ribut** (1997), Mak Yong **Anak Raja Gondang 2** (1998), teater adaptasi **Hamlet** (1998), **Projek Pengarahan** dan **Randai Si Karang Manih** (1998).

Selain dari berlakon, gadis yang pernah dinobatkan sebagai **Dalang Muda** oleh Tok Dalang Hamzah Awang Amat (Seniman Negara Pertama) ini turut terlibat di dalam kumpulan produksi Bangsawan **Raja Laksamana Bentan** (1996), Bangsawan **Alang Buana** (1998), Mak Yong **Anak Raja Gondang** (1997), **Randai Anggun Nan Tungga** (1998) dan teater adaptasi **Impian di Musim Panas** (1998).

Dorothy turut berpeluang membabitkan diri dengan pelbagai kerja kreatif lain di luar ASK seperti Teater **The Storyteller**, **Malam Puisi Utusan**, Teater **Jejak Pahlawan**, Teater **Di Bawah Lindungan Kaabah**, Teater **Penyerahan Puteri**, **Semuanya Anakku**, **Pasrah**, **Impromptu 3** dan **Projek Pengarahan**

PENGURUS PERSEMBAHAN karya 'LOOK BACK IN ANGER', 'PEMAIN' dan 'INKARNASI'

Pengurus Persembahan adalah orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan perjalanan sesebuah produksi dari awal hingga akhir.

Konsep dalam pengurusan adalah bagaimana menurut pandangan kita pengurusan itu boleh dilaksanakan. Ini adalah berdasarkan dari perancangan yang wujud hasil dari pertimbangan logik kita berdasarkan sesuatu perkara yang kita uruskan. Pertimbangan ini hadir dari pemikiran kita. Hasil daripada pemerhatian kita terhadap pengurusan yang pernah dibuat atau yang kita fahami bentuk kerjanya.

JAWATANKUASA PENAUNG

Penaung	:	Dato' Iskandar Dzakurnain Badarudin
Penasihat	:	Dato' Tengku Alaudin Tangku Abdul Majid
Pengerusi	:	Dr. Hatta Azad Khan
Setiausaha	:	Othman Ahmad
Penolong Setiausaha	:	Mariam Sulaiman
Ahli-ahli	:	Tupari Dulmungin
	:	Supiat Mukri
	:	Nurhijjah Alias
	:	Krishen Jit
	:	Ramlan Mohd Imam
	:	Zakaria Ariffin
	:	Joseph Zakaria
	:	Norizah Arshad
	:	Nor Aliza Ahmad
	:	Zulkarnain Ramly
	:	Mohd Amir Hakim Mohd Yusof
	:	Alexander Wong
	:	Rosminah Mohd Tahir
	:	Suhaimi Magi
	:	Mohd Radzi Omar
	:	Shafrin Sabri
	:	Raja Nor Sheela Raja Aziddin

JAWATANKUASA KERJA

Pengerusi	:	Dr. Hatta Azad Khan
Setiausaha	:	Othman Ahmad
Penolong Setiausaha/Penyelaras Projek	:	Mariam Sulaiman
Penyelaras Kewangan Ahli-ahli	:	Nor Aliza Ahmad Ahmad Hamzah Addly Abdul Karim
Penyelaras Percetakan Ahli-ahli	:	Norizah Arshad Alexander Anak Wong Sabilah Kadir W. Zalina Rajali Rime Nazren Abd Razak Mohd Fauzi Rais
Penyelaras Publisiti/Pemasaran/Jemputan Ahli-ahli	:	Zulkarnain Ramly Rime Nazren Abd Razak Mohd Fauzi Rais
Penyelaras Sambutan dan Protokol Ahli-ahli	:	Mohd Amir Hakim Mohd Yusof Siti Fatimah Othman Rohsenai Lizei Nadzir Norazimah Mohd Yusof Hashinah Abdul Karim
Penyelaras Dokumentasi Ahli-ahli	:	Norizah Arshad Wan Mansur Yusof Jali Nazri Jaafar Missyarina Misran Shahrul Azli Mohd Shukor Wan Mazrah Wan Mansur Sabilah Kadir Md Eyzendy Hariri Zaini Abu Bakar Md Nazar Rosli
Penyelaras Pameran Ahli-ahli	:	Mohd Juara Salleh Thalathiah Awang Masnitawati Aladin Wan Hazelinda Mohamed Rime Nazren Abd Razak Mohd Fauzi Rais Rashidah Ludin Norfazilah Ameer Zurairi Hanif



Penyelaras Tiket/Penginapan/ Ahli-ahli	:	Nor Aliza Ahmad Addly Abdul Karim Rohsenai Lizei Nadzir Hashinah Abdul Karim
Penyelaras Logistik/Kebajikan/Makan Minum Ahli-ahli	:	Ahmad Hamzah Addly Abdul Karim Rohsenai Lizei Nadzir Hashinah Abdul Karim Norazimah Mohd Yusof Azhar Mohammad
Penyelaras Jabatan Penulisan	:	Mohd Radzi Omar
Penyelaras Jabatan Muzik	:	Raja Nor Sheela Raja Aziddin
Penyelaras Jabatan Tari	:	Suhaimi Magi
Penyelaras Jabatan Teater	:	Rosminah Mohd Tahir
Penyelaras Forum Panel Penilai Luar	:	Ramlan Imam
Pembantu Penyelaras Forum Panel Penilai Luar	:	Shafrin Sabri
Penyelaras Panel Penilai Luar	:	Alexander Anak Wong

JAWATANKUASA TEKNIKAL

Pengarah Artistik	:	Zulkarnain Ramly
Pengurus Produksi	:	Noor Aszila Abas
Pengarah Teknikal	:	Azizul Zahid Jama'
Pembantu Produksi	:	Wong Huey Yi @ Colleen Wong Akmal Hakim Sayuti Shahrnunizam Samsuri Babbar Abas Shahrom Zainudin Kamal Abd. Mutalib Ali Ibrahim Ali Zakimi Kamarulzaman

PENGHARGAAN

Kementerian Kewangan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC)

Panggung Negara

RTM

TV3

Akhbar-akhbar tempatan

Media Masa

PENAJA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Kerajaan Negeri Selangor

Yayasan Pelajaran Islam

Yayasan Perak

Yayasan Selangor

Yayasan Negeri Sembilan

Yayasan Pelajaran Johor

Yayasan Warisan Johor

Yayasan Pahang

Yayasan Terengganu

Yayasan Sarawak

Yayasan Sabah

Malakoff Berhad



Akademi Seni Kebangsaan

AKADEMI SENI KEBANGSAAN telah ditubuhkan pada tahun 1994 dibawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan tujuan untuk melahirkan seniman dan pemimpin seni yang berilmu dan profesional dalam berbagai bidang kesenian bagi memastikan kesinambungan budaya warisan Malaysia. Objektif AKADEMI SENI KEBANGSAAN ialah untuk menyediakan peluang dan ruang kepada penggiat seni di Malaysia untuk mendapatkan latihan formal dalam bidang seni.

AKADEMI SENI KEBANGSAAN menawarkan program pengajian berperingkat 1 + 2 + 1 meliputi taraf Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjanamuda.

- **Penulisan**
- **Muzik**
- **Teater**
- **Tari**

AKADEMI SENI KEBANGSAAN turut menganjurkan program berikut:-

- **kursus/latihan jangka pendek di peringkat sijil kehadiran;**
- **seminar dan bengkel oleh ahli akademik dan profesional dari dalam dan luar negara;**
- **program kerjasama dalam jurusan khusus dengan IPT dalam dan luar negara,**

Antara modul yang ditawarkan ialah:-

- **penulisan skrip pentas**
- **penulisan skrip filem dan televisyen**
- **pengarahan**
- **lakonan**
- **sinografi**
- **tari kontemporari/moden**
- **tari tradisional Malaysia**
- **pendidikan tari**
- **persembahan muzik**
- **gubahan dan komposisi muzik**
- **teknologi muzik**
- **organologi dan akustik**

AKADEMI SENI KEBANGSAAN menyediakan tenaga pengajar yang terdiri daripada kalangan profesional, ahli akademik dan adiguru yang terbaik dan diiktiraf dalam bidang masing-masing.

AKADEMI SENI KEBANGSAAN mempunyai hubungan baik dengan institusi pengajian tinggi seni persembahan di seluruh dunia; antaranya ialah Middlesex University, United Kingdom, Western Australia Academy of Performing Arts, Edith Cowan University, Perth, dan Victoria College of the Arts, Melbourne. Ini merupakan antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi mewujudkan jaringan kerjasama dengan IPT luar bagi memperkukuhkan keperluan akademik dan penghasilan karya kreatif.

Adalah menjadi harapan agar melalui keglatan seni yang dikendalikan seumpama ini, AKADEMI SENI KEBANGSAAN akan dikenali sebagai sebuah pusat seni persembahan bukan sahaja di rantau ini malah di peringkat antarabangsa.

Ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan

Pengerusi

Dato' Iskandar Dzakurnain Badarudin
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Timbalan Pengerusi

Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Setiausaha

Dr. Hatta Azad Khan
Pengarah ASK

Penolong Setiausaha

Encik Othman Ahmad
Pendaftar ASK

Ahli Tetap

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakil

Ahli Tetap

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakil

Ahli Tetap

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakil

Ahli Dilantik

Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh

Ahli Dilantik

Dato' Hassan Ahmad

Ahli Dilantik

Prof Madya Dr. Mohd Anis Md Nor

Ahli Dilantik

Dr. Ariff Ahmad

Ahli Dilantik

Dr. Tan Sooi Beng

Ahli Dilantik

Encik Mohd Shariff Ahmad

Ahli Dilantik

Encik Johari Salleh

Ahli Dilantik

Puan Faridah Merican



TENAGA AKADEMIK - Akademi Seni Kebangsaan

Encik Zulkifli Baba Noor
Cik Charlene Rajendran
Encik Andrew O' Sullivan
Encik Eric Roslee @ Eric Richard Dury
Cik Zarinah Jan Yusof
Encik Andrew Ignatius o' Sullivan
Encik Mohd Anwar Omar Din
Encik Aminuddin Anuar
Prof. Madya Dr. Othman Puteh
Prof. Dr. Wan Abdul Kadir Wan Yusof
Prof. Madya Rahman Shaari
Prof. Madya Abdul Rahman Napiah @ Hanapiah
Dr. Naim Haji Ahmad
Encik Abdul Rahman Ahmad Hanafiah
Dr. Hatta Azad Khan
Encik Abdul Wahab Hamzah
Encik Sabri Mohd Zain
Encik Mohd Zaidi Mohd Hajazi
Encik Zakaria Ariffin
Encik Abdul Wahid Nasir
Encik Hassan Muthalib
Tuan Haji Mohd Nordin Abdul Rahman
Encik Adnan Salleh
Encik Mohamad Ali Majid
Encik Ramlan Mohd Imam
Encik Hanafie Mohd Imam
Encik Ruslan Mohd Imam
Encik Nasran Nawil
Encik Shawn T. Kelly
Encik Azlan Che Othman
Encik Rahmat Abdullah @ Wilfred T. Reband
Encik Liew Chee Leong
Cik Judy Yap Jian Yee
Cik Chin Ying Yuen
Cik Syafinaz Selamat
Encik Lim Cheng Ling
Encik Fadzil Ahmad
Encik Jeffrey Yong Chin Hoe
Dr. Ariff Ahmad
Encik Badrom Buang
Encik Bohari Sahlan
Encik Ahmad Fauzi Haji Musib
Puan Siti Hajar Ismail
Cik Ng Mei Fong
Cik Yong Joh Lin
Encik Mohamad Ridza Mubarak
Encik Rahbeni Mutaal
Cik Alleen Khoo Hooi Ai
Encik Amir Al-Rashid Haroun
Encik Haris Fadillah Ahmad
Encik Mohd Pauzi Majid
Dr. Takahisa Ota
Encik Cha Seng Tiang
Encik Mohamed Farid Ali
Encik Shafie Obe Hairunie
Puan Stephanie Young Hwa Jun Shin
Cik Evelyn Hu Yuh Lin
Cik Liew Ping Yuh

Encik Nik Mustapha Nik Mohd Salleh
Encik Rosdan Abbas
Cik Thalia Tan Teck Tching
Encik Ibrahim Senik
Encik Othman Ahmad
Encik Ku Zahir Ku Ahmad
Encik Suhaimi Magi
Encik Anwar Abdul Wahab
Encik Kandasamy Shankar
Encik Choo Tee Kuang
Encik Joseph Gonzales
Puan Sharifah Mahani Syed Kassim
Encik Lee Tang Kok
Puan Aida Zurinna Mohd Redza
Encik Jamal Bakir
Cik Mew Chang Tsing
Puan Marion DiCruz
Puan Judimar Monfils
Cik Lailan Macfrida Haji Nurdin Lubis
Encik Dahmir Amin
Cik Sunetra Jacqueline Fernando
Encik Krishen Jit
Dr. Mohd Ghouse Nasuruddin
Puan Llyana Pillai Abdullah
Prof. Madya Dr. Solehah Ishak
Encik Zahim Shahrudin Albakri
Dr. Ghulam Sarwar Yousof
Cik Anne James a/p Nepoans James
Encik Hanafi Husin
Encik Hamzah Mohd Tahir
Puan Faridah Merican
Encik Joe Hasham
Encik Mazlan Tahir
Cik Rosminah Mohd Tahir
Cik Hanisa Hassan
Puan Khatijah Awang
Cik Leow Puay Tin
Encik Ahmad Yatim
Encik Abdul Rahman bin Haji Abu Bakar
Encik Hamzah Awang Amat
Cik Normah Nordin
Encik Mervyn L. Peter
Cik Marlia Musa
Dr. Samat Salleh
Puan Roselina Johari Mohd Khir
Encik Razalee Zainal Abidin
Puan Noorsiah Yem
Puan Noor Hayati Zakaria
Encik Ismail Mamat
Encik Nawil bin Jusoh
Encik Che Nassier Yusof
Encik Mohd Nazri bin Mohd Kadri
Encik Norjelli bin Dais
Encik Azizul Zahid Jamal
Encik Rosman Ishak
Mohd Shahrul Mizad Ashari
Encik Ramli Ibrahim

TENAGA PENGURUSAN Akademi Seni Kebangsaan

Pengarah

Dr. Hatta Azad Khan

Ketua Penolong Pengarah/Pendaftar

Othman Ahmad

Penolong Pengarah I Pengurusan

Norizah Arshad

Penolong Pengarah Kewangan

Nor Aliza Ahmad

Penolong Pengarah Perhubungan dan Pemasaran

Zulkarnain Ramly

Penolong Pengarah I Hal Ehwal Akademik

Mohd Amir Hakim Mohd Yusof

Penolong Pengarah II Hal Ehwal Akademik

Alexander Wong

Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar

Mariam Sulaiman

Khidmat Sokongan (Pentadbiran)

Ahmad Hamzah

Romaini Mohd Noor

Rohsenai Lizei Nadzir

Addly Abdul Karim

Siti Fatimah Othman

Norazimah Mohd Yusof

Hashinah Abdul Karim

Tarmim Othman

Sulaiman Mamat

Azhar Mohamad

Khidmat Sokongan (Perpustakaan)

Mohd Juari Salleh

Thalathiah Awang

Missyarina Misran

Khidmat Sokongan (Teknikal)

Jali Nazri Jaafar

Wan Mansur Yusoff

JABATAN MUZIK

Ketua Jabatan

Ramlan Mohd Imam

Penolong Pengarah I

Shafrin Sabri

Penolong Pengarah II

Raja Nor Sheela Raja Aziddin

JABATAN PENULISAN

Ketua Jabatan

Zakaria Ariffin

Penolong Pengarah I

Mohd Radzi Omar

JABATAN TARI

Ketua Jabatan

Joseph Gonzales

Penolong Pengarah I

Suhaimi Magi

JABATAN TEATER

Ketua Jabatan

Krishen Jit

Penolong Pengarah I

Rosminah Mohd Tahir

